

18 MAR 1996

Mahathir - Pengurusan

PENGURUSAN CEKAP RAHSIA KEJAYAAN PERNIAGAAN: KATA PM

LANGKAWI, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata rahsia utama kejayaan sesuatu perniagaan sama ada yang kecil atau besar ialah pengurusan yang cekap.

Katanya, tanpa pengurusan yang cekap adalah agak sukar sesuatu perniagaan itu dapat mencapai kejayaan.

"Meskipun modal merupakan asas utama namun pengurusan yang cekap mengatasi segala-galanya," katanya semasa berucap merasmikan Hotel Singgahsana KUB di Sekolah Pengurusan Hotel dan Pusat Peranginan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) di sini.

Dr Mahathir berkata beliau telah melihat banyak bukti bahawa pengurusan cekap memainkan peranan utama dalam sesuatu perniagaan.

"Saya sudah melihat beberapa buah syarikat yang mengalami kerugian tetapi selepas diambil-alih oleh orang lain dan diurus dengan cekap, ia berjaya dalam bidang perniagaannya," katanya.

Beliau memberi contoh Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) yang beberapa tahun dahulu mengalami zaman kesusahannya tetapi selepas ditukar pengurusannya, ia telah mencatatkan banyak kemajuan.

"Perasmian hotel dan institut ini yang kedua-duanya milik KUB adalah bukti paling nyata keberkesanaan satu pengurusan yang cekap," katanya.

Dr Mahathir berkata KUB yang dahulunya menjadi alat sesetengah ahli politik untuk kepentingan sendiri kini telah bertukar menjadi sebuah koperasi yang serba berjaya.

Beliau juga menasihati peniaga Bumiputera supaya mengikis tanggapan bahawa kejayaan yang diperolehi oleh peniaga kaum Cina adalah kerana mereka menipu.

Katanya jika peniaga Bumiputera berterusan beranggapan demikian dan cuba pula menipu, mereka hanya akan menemui kegagalan.

Terdahulu, pengerusi KUB Hassan Harun berkata keseluruhan pembinaan hotel dan institut itu menelan belanja kira-kira RM21 juta yang diperolehi hasil pengurusan cermat rizab tunai dalamannya.

Hotel bertaraf tiga bintang dengan 72 buah bilik itu dikendalikan oleh KUB Hotel and Resort Management Sdn Bhd dan ia juga menjadi tempat para penuntut ITTAR menjalani latihan amali mereka.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff. -- BERNAMA.

ZAA OBA.